

17 NOV 2000

Mahathir-Kyrgyz

MAHATHIR MINTA KYRGYZ TEGAS TERHADAP KESAN NEGATIF GLOBALISASI

PUTRAJAYA, 17 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakan sejawatannya Amangeldi Muraliev dari Republik Kyrgyz untuk bertegas terhadap kesan negatif globalisasi yang boleh menjadi ancaman kepada konsep kenegaraan.

Beliau berkata dalam dunia tanpa sempadan, dengan globalisasi sebagai penawar kepada semua penyakit ekonomi, negara membangun seperti Malaysia dan Kyrgyz sering mendapati diri kita disekat dalam usaha kita membawa kemajuan kepada rakyat kita.

"Kita perlu tegas terhadap kesan negatif globalisasi dan kita perlu sedar bahaya dan memastikan kedaulatan negara tidak dikorbankan di atas nama globalisasi," katanya pada jamuan makan malam yang dianjurkan oleh beliau dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali untuk Muraliev dan isterinya Elmira Temirbekova di kediaman rasminya di sini.

Beliau berkata Malaysia mempunyai pengalaman menangani krisis kewangan ekonomi 1997-98 semasa dagangan mata wang yang tidak terkawal yang memusnahkan segala hasil titik peluh yang dicapai selama 40 tahun.

Jika diikuti cara Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia, kita terpaksa menyerahkan kemerdekaan ekonomi kita kepada mereka. Syukur kepada Allah kerana memberikan kita kebijaksanaan untuk memilih cara yang tidak konvensional untuk memulihkan ekonomi, katanya.

"Hari ini ekonomi kami sedang berkembang dan saya bangga untuk melaporkan bahawa ekonomi kami sedang dalam pemulihan. Kami bersedia berkongsi pengalaman untuk mengatasi masalah ekonomi yang boleh menjejaskan pertumbuhan Republik Kyrgyz," katanya.

Beliau berkata Malaysia sedar harapan negara-negara seperti Republik Kyrgyz yang sedang menghadapi kesukaran kepada ekonomi pasaran bebas.

"Cabaran yang dihadapi bukanlah tidak boleh diharungi. Usaha bersama dan kekuatan rakyat Republik Kyrgyz dapat membawa keamanan dan kemakmuran. Malaysia bersedia untuk menghulurkan bantuan bagi menghapuskan kemiskinan dan meningkatkan taraf kehidupan rakyat Kyrgyz," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau optimistik sektor swasta Malaysia yang aktif mencari pelbagai projek pelaburan di Republik Kyrgyz akan dapat mengadakan usaha sama untuk memajukan ekonomi Kyrgyz untuk kebaikan bersama.

"Dalam hubungan ini, seminar pelaburan yang akan dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama esok, adalah langkah positif ke arah menarik pelabur ke Republik Kyrgyz.

"Pelaburan asing dapat mempercepatkan pembangunan sesebuah negara. Itu adalah pengalaman Malaysia, dan kerana itu kami telah membuatkan negara kami menarik untuk pelabur asing. Malaysia bersedia untuk berkongsi kaedah yang digunakan untuk menarik pelaburan asing ke Republik Kyrgyz.

"Pelantikan Datuk Matshah Safuan sebagai Konsul Kehormat negara tuan di Negeri Sembilan dapat meningkatkan kerjasama dua hala. Saya ingin menyampaikan ucapan tahniah saya kepada Datuk Matshah Safuan di atas pelantikan itu," katanya.

Dr Mahathir berkata apabila syarikat penerbangan Kyrgyz memulakan penerbangan ke Kuala Lumpur, jarak geografi dapat dikurangkan dan membuatkan lebih ramai orang dapat berhubung, dan ini boleh menjadikan kedua-dua negara bertambah rapat.

"Perhubungan dua hala akan dapat ditingkatkan dan saya berharap supaya program dan projek kepentingan bersama dilaksanakan pada masa akan datang," katanya.

Malaysia dan Republik Kyrgyz hari ini menandatangani tiga perjanjian untuk meningkatkan hubungan dua hala, berkaitan mengelakkan cukai berganda, perkhidmatan udara dan kerjasama dalam bidang pelancongan.

Muraliev tiba hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia. Lawatan itu adalah atas jemputan Dr Mahathir.

Tujuan lawatan itu adalah bagi meningkatkan hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara.

Muraliev akan merasmikan seminar berkaitan pelaburan di Republik Kyrgyz esok, dan beliau juga akan melawat Mimos Bhd dan Melaka.

Muraliev, yang diiringi oleh rombongan 35 anggota akan berlepas ke Langkawi pada hari Ahad untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID).

--BERNAMA

NY RI